



**TEKS**  
**KHUTBAH**  
**NEGERI PAHANG**  
**JUN 2025**



## JAUHI RIBA

**20 JUN 2025 | 23 ZULHIJJAH 1446H**

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الْقَائِلِ: وَأَحَلَّ اللّٰهُ الْتَّبِيعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا<sup>ؒ</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا

عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ

وَاصْحَابِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، إِتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh keampunan di dunia dan akhirat.



## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Riba berasal daripada perkataan Arab الربا yang bermaksud bertambah. Dalam konteks Syarak, riba ialah sebarang lebihan atau tambahan bayaran yang dikenakan kerana penangguhan masa bayaran. Riba juga boleh berlaku pada pertukaran barang-barang ribawi dengan jumlah yang tidak sama atau penangguhan serahan salah satu barang pertukaran tersebut dalam urus niaga pertukaran barang. Kategori barang ribawi pertama ialah emas dan perak serta termasuklah mata wang. Pertukaran barang tersebut, jika sama jenis contohnya emas dengan emas hendaklah sama timbangan dan serah terima secara tidak bertangguh.

Kategori kedua ialah barang makanan asasi dan barang-barang yang bersukat dan bertimbang, iaitu bijirin gandum, barli, tamar, garam, beras dan lain-lain. Kategori ini jika ditukarkan sama jenis masih terikat dengan kadar yang sama dan serah terima secara serta merta. Namun jika jenis yang berbeza ia masih terikat dengan serah terima secara serta merta walau kadarnya berbeza bagi mengelakkan berlakunya riba. Walaubagaimanapun jika barang tersebut ditukar dengan mata wang maka boleh berlaku penangguhan dan tidak termasuk dalam hukum riba.



Dalam urusan pinjaman contohnya, seseorang meminjam wang RM1,000, kemudian perlu membayar balik pinjamannya sebanyak RM1,300 kerana penangguhan masa pembayaran maka lebih RM300 itulah riba.

Riba merupakan salah satu dosa besar dalam Islam. Ia bukan sahaja menindas pihak yang lemah, tetapi turut menghancurkan struktur keadilan ekonomi dalam masyarakat. Allah Azza wa Jalla memberikan gambaran yang buruk terhadap pemakan riba sebagaimana Firman-Nya dalam Surah al-Baqarah ayat 275:

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَآءَ لَا يَقُولُونَ إِلَّا كَمَا يَقُولُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ

ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَآءِ وَأَحَلَ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الرِّبَآءُ

**Yang bermaksud:** “Orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu. Demikian itu disebabkan mereka mengatakan: “Bahawa sesungguhnya bermiaga itu sama sahaja seperti riba”.



*Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba.”*

Allah Taala memberi amaran keras kepada semua yang terlibat dengan riba sama ada sebagai penerima, pembayar, pewakil, saksi hatta menjadi pencatat sekalipun. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, Jabir Radiallahu Anhu berkata:

لَعْنَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَكَلَ الرِّبَا وَمُؤْكِلُهُ

وَكَاتِبُهُ وَشَاهِدَيْهِ وَقَالَ: هُمْ سَوَاءٌ

**Yang bermaksud:** “Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melaknat penerima riba dan pembayar riba dan orang yang mencatatnya dan kedua-dua saksinya dan Baginda berkata mereka itu semuanya sama.”

Dalam ayat yang lain, Allah Taala mengancam orang yang terlibat dengan riba dengan ancaman perang daripada Allah Taala dan Rasul-Nya sebagaimana dalam Firman Allah Taala dalam Surah al-Baqarah ayat 279. Daripada ayat tersebut kita dapat fahami bahawa orang yang tidak menjauhkan dirinya daripada



riba, seolah-olah dia menjadi musuh yang berperang dengan Allah Taala dan Rasul-Nya. Demikianlah betapa kejinya dosa terlibat dengan riba.

## **Kaum Muslimin yang Dirahmati Allah Azza wa Jalla**

Umat Islam hendaklah berhati-hati dengan pelbagai bentuk riba yang wujud pada hari ini. Marilah kita menyemak kembali bersama-sama perkara-perkara berikut:

**Pertama**, adakah kita menyimpan wang dalam akaun simpanan perbankan Islam?

**Kedua**, adakah kita memiliki pinjaman peribadi, pinjaman perumahan atau pinjaman motor dan kereta secara tidak patuh syariah? Ramai yang tidak menyedari penjualan motor dan kereta secara ansuran daripada kedai terlibat dengan riba.

**Ketiga**, adakah insuran hayat atau insuran am yang kita sertai patuh syariah? Atau dalam erti kata yang lain kita hanya mengambil produk insuran Islam iaitu takaful?



**Keempat**, adakah kita masih menggunakan kad kredit daripada bank-bank konvensional?

**Kelima**, bagi yang mencarum dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), adakah caruman KWSP kita masih lagi konvensional (bukan simpanan syariah)?

**Keenam**, adakah kita terlibat melabur dalam skim pelaburan keuntungan tetap, skim pelaburan emas yang tidak patuh syariah atau mana-mana skim cepat kaya?

Semua aktiviti yang dinyatakan tersebut sebenarnya telah disediakan pilihan yang patuh syariah. Semua aktiviti perbankan seperti simpanan, pelaburan, pembiayaan, kad kredit boleh dilakukan secara Islam dengan kita melanggan daripada perbankan Islam. Demikian juga, kerajaan juga telah mewujudkan takaful Islam dan akaun patuh syariah untuk KWSP bagi mengelakkan diri kita terlibat dengan riba.



## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Azza Wajalla.

Daripada khutbah hari ini dapatlah disimpulkan beberapa perkara penting iaitu:

**Pertama**, riba ialah sebarang lebihan atau keuntungan yang dikenakan dalam urusan pinjaman atau pertukaran barang secara tidak adil yang tidak dibenarkan oleh syarak.

**Kedua**, riba adalah dosa besar yang dilaknat oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Allah Taala juga mengisyiharkan perang ke atas orang yang terlibat dengan riba.

**Ketiga**, sekiranya kita masih terlibat dengan sebarang urus niaga atau produk kewangan yang berunsurkan riba, bertaubatlah dan bertukarlah segera kepada sistem kewangan dan perbankan Islam.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَمْحُقُ اللَّهُ أَرْبَوْا وَيُرِبِّي الصَّدَقَاتِ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ كَفَّارٍ أَثِيمٍ ﴿٣٦﴾



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.